

45  
NO. SOALAN: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. EWON BIN EBIN [RANAU]**

**TARIKH : 08 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : 10313**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau] minta KEMENTERIAN DALAM NEGERI menyatakan:-**

- (a) berapa kerapkah Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Suruhanjaya Siasatan DiRaja mengenai Pendatang Asing (RCI) Sabah diadakan dan bilakah laporan jawatankuasa teknikal tersebut dikeluarkan; dan
- (b) adakah pihak Kerajaan bersedia untuk melaksanakan semua saranan yang dibuat oleh Suruhanjaya Siasatan DiRaja tersebut termasuklah desakan orang ramai agar kad pengenalan baru dikeluarkan di Sabah bagi menapis mereka yang telah mendapatkan kad pengenalan Malaysia dengan cara yang diragui.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai menyusul pengumuman hasil Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah pada 3 Disember 2014, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang terbahagi kepada 2 tier iaitu Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Induk) dan Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Teknikal). Kedua-dua Jawatankuasa ini sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mengatasi sebarang kekangan dan isu-isu berbangkit bagi melaksanakan pelan tindakan yang dirumuskan oleh Suruhanjaya melalui mesyuarat yang dijadualkan secara berkala sepanjang tahun.

Berhubung isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan pendaftaran semula dan pengeluaran Kad Pengenalan Khas kepada rakyat Sabah, Kerajaan perlu menangani secara berhemah kerana adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan juga untuk memastikan bahawa apa jua pelaksanaan cadangan tidak akan menggugat keselamatan, ketenteraman awam, kelangsungan dan kesejahteraan rakyat Sabah.

Oleh itu, berhubung sama ada pihak Kerajaan sedia melaksanakan pendaftaran balik dan mengeluarkan Kad Pengenalan Khas untuk rakyat Sabah, sebarang tindakan Kerajaan mengenainya akan mengambil kira pandangan JKPWAS yang telah ditubuhkan seperti mana syor Laporan RCI yang dipengerusikan secara bersama oleh YAB Menteri Dalam Negeri dan YAB Ketua Menteri Sabah.